

Kehebatan Isi Tanah Anugerah Illahi – oleh Mak Tam, admin POP

Mikrob dalam IMO2



Prof Made Sudiana
Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia
Indonesia Institute of Sciences

- *Lactobacillus sp*
- *Aspergillus Niger*
- *Saccharomyces*
- *Mucor sp*
- *Penicillium sp*
- *Bacillus sp*

Prof. Made Sudiana dari Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Indonesia Institute of Sciences telah membuat kajian terhadap tanah di bawah rumpun buluh. Beliau mendapati pelbagai kehidupan seni hidup meriah - ada yang kelihatan oleh mata, dan juga yang hanya nampak jika dilihat melalui mikroskop. Beliau mengenalpasti makhluk-makhluk seni itu sebagai *Lactobacillus sp*, *Aspergillus niger*, *Saccharomyces*, *Mucor sp*, *Penicillium sp*, dan *Bacillus sp*.

Mesti ada yang terfikir, apalah Mak Tam ni melaut. :D Sebenarnya yang disebut di atas itu adalah nama saintifik. Tidak ada nama Melayunya. Biar Mak Tam huraikan peranan makhluk Allah ini dalam tanah sawah.

Gandingan *Lactobacillus sp*, *Azotobacter sp* dan *Bacillus sp* merupakan makhluk seni yang kerjanya adalah melarutkan fosfat (baja P) dan kalium (baja K) supaya mudah diserap masuk oleh akar. Ini bermakna, jika ada baja kimia P dan K yang kita tabur di sawah, P dan K perlu dilarutkan oleh kedua jenis makhluk ini sebelum pokok boleh ambil keduanya sebagai makanan. Dua jenis makhluk ini juga mengurai atau mereputkan jerami dan rumput dalam tanah.

Gabungan *Saccharomyces* dan *Lactobacillus sp* pula memperbaiki pH tanah (mengawal kemasaman tanah). Itulah pasal apabila kita menggunakan IMO dan Mol kangkung disawah semasa membajak, pH tanah menjadi baik. Bila pH baik, pokok padi tumbuh elok sebab baja dapat diserap dengan baik.

Tugas *Mucor*, *Aspergillus* dan *Penicillium* adalah jenis kulat yang mereputkan bahan organik seperti jerami dan rumput dalam tanah dan menukarkannya menjadi baja.

Mak Tam tulis semua ini kerana Mak Tam yakin rakan-rakan POP ingin tahu tentang kehebatan makhluk-makhluk Allah yang tidak nampak dimata kita. Tetapi mereka hadir dalam tanah. Mereka hidup dan membiak dalam tanah yang sihat. Mereka bertasbih memuji Pencipta mereka. Mereka mati apabila kita berikan terlalu banyak baja kimia, tambah-tambah lagi jika kita racun mereka.

Jerami Segar Adalah Baja

(5 tan jerami segar + IMO2 + FPJ Kangkung)



Urea (N)	= 70 kg
Superphosphate (P)	= 30 kg
Potash (K)	= 200 kg
Kalsium	= 7 kg
Magnesium	= 14.5 kg
Zink	= 100 g
Silika	= 440 kg

Prof. Iswandi Anas
(Univisitas Pertanian Bogor)

Prof Iswandi Anas dari Univisitas Pertanian Bogor adalah seorang pakar mikrobiologi yang banyak membuat kajian mengenai kesuburan tanah. Beliau menyatakan bahawa jika petani dapat 5 tan hasil padi, bermaknanya ia akan dapat 5 tan jerami. Jika jerami yang segar ini disemburkan dengan bancuhan IMO dan Mol kangkung, dan kemudian dibajak, semua jerami akan menjadi baja balik. Kotak sebelah kanan di atas memberikan jumlah baja-baja yang dikembalikan kepada tanah sawah.

Ini bermakna, petani hanya perlu menggunakan dalam 30% sahaja baja subsidi yang diberi oleh kerajaan. Tidak payah lagi menambah baja buah. Ini adalah tahap pertama PENJIMATAN yang Mak Tam maksudkan, iaitu dengan membuat sendiri IMO dan Mol kangkung.

Oleh itu bacalah cara membuat IMO dan Mol kangkung ini. Klik kat bawah:

1. [Cara Membuat IMO](#)
2. [Cara Membuat Mol kangkung](#)

Jika nak buat sendiri, berapa ringgit sangatlah belanjanya. Nasi, kangkung liar, gula merah saja pun. Kurang dari RM10. Dengan bermodalkan sedikit wang, tanah sawah kita menjadi subur. Makhluq Allah terus membiak dengan banyak, gema tasbih terus berkumandang bersahut-sahut. Subhanallah. Banyak keberkatan akan turun kepada manusia yang menjaga makhluk-makhluk ini terus hidup. Ya Rabb.. permudahkanlah bagi kami. Lembutkanlah hati rakan-rakan POP untuk ingin mencuba. Tiada upaya bagiku melainkan mendapat pertolonganMu jua. Aamiin. Aamiin. Aamiin.